

11 JAN 1998

Anwar-Cohen

AMERIKA ULANGI SOKONGAN KEPADA ASIA TENGGARA ATASI KRISIS EKONOMI

KUALA LUMPUR, 11 Jan (Bernama) -- Amerika Syarikat mengulangi sokongan Washington kepada Malaysia dan negara Asia yang lain bagi mengatasi krisis ekonomi yang melanda rantau itu.

Jaminan ini disampaikan kepada Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim oleh Setiausaha Pertahanan Amerika William Cohen pada pertemuan di sini hari ini.

Ketika memberi taklimat kepada pemberita mengenai hasil perbincangan, Setiausaha Bahagian bagi Asia Tenggara dan Pasifik Selatan Mohd Arshad Hussain, berkata Cohen memberitahu Anwar bahawa Amerika mahu supaya masalah ekonomi yang dihadapi oleh beberapa negara Asia diatasi.

"Kedua-dua mereka menyentuh secara umum mengenai perkara ini tidak secara khusus mengenai Malaysia", kata Arshad.

Cohen tiba di sini hari ini untuk lawatan sebelas hari ke negara-negara Asia. Beliau juga akan melawat Indonesia, Singapura, Thailand, China, Jepun dan Korea Selatan.

Arshad berkata Anwar memberitahu Cohen bahawa Malaysia tidak berhasrat untuk meminta bantuan daripada Tabung Matawang Antarabangsa (IMF) bagi mengatasi masalah ekonominya.

Anwar juga memberitahu Cohen bahawa beliau mengundang Timbalan Setiausaha Perbendaharaan Amerika Lawrence Summers melawat Malaysia untuk mengetahui apa yang dilakukan oleh IMF bagi menyelamatkan ekonomi negara Asia yang lain yang terjejas akibat krisis kewangan.

Mengenai perbincangan Anwar dengan Timbalan Menteri Luar Thailand Dr M.R Sukhumbhand Paribatra, Arshad berkata Sukhumbhand menyerahkan kepada Anwar surat daripada Perdana Menteri Thailand Chuan Leek Pai kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Arshad, bagaimanapun tidak menyatakan kandungan surat itu.

Sukhumbhand juga menggesa supaya ditingkatkan kerjasama antara Thailand dan Malaysia bagi mengatasi masalah ekonomi yang dihadapi oleh kedua-dua negara.

Arshad berkata Timbalan Menteri Luar Thailand itu memberitahu Anwar bahawa hubungan Thailand-Malaysia perlu diperkukuhkan.

Beliau berkata Sukhumbhand juga memberitahu bahawa terdapat halangan dalam penandaan sempadan dan masalah ini perlu diatasi.

Dalam hubungan ini, Anwar memberitahu Sukhumbhand bahawa kebanyakan masalah yang menyentuh penandaan sempadan telah diatasi kecuali di sepanjang sempadan Kelantan-Thailand.

Timbalan Perdana Menteri berkata apa-apa masalah dalam hubungan Malaysia-Thailand boleh diatasi melalui mesyuarat Jawatankuasa Bersama Sempadan Malaysia-Thailand.

Anwar juga berkata "adalah tidak adil sama sekali" untuk membuat dakwaan bahawa Malaysia digunakan sebagai pusat untuk melatih para pejuang pemisah Thailand.

Arshad berkata Anwar memberitahu Sukhumbhand bahawa jika Thailand mempunyai bukti mengenai perkara itu, Kuala Lumpur sedia menyiasat.

Sukhumbhand juga menggesa supaya ditingkatkan kerjasama di bawah konsep Segitiga Pertumbuhan Indonesia, Malaysia dan Thailand. -- BERNAMA

ES FAZ